



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARA SEGERA

25 Februari 2022

MANGSA KEBAKARAN TERIMA SUMBANGAN KUMPULAN YAYASAN SABAH

TAWAU (Jumaat): Mangsa kebakaran Kampung Lorong Sungai Buaya, Tawau telah menerima sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah pada 25 Februari 2022.

Satu majlis ringkas penyerahan sumbangan telah diadakan berhampiran lokasi kebakaran yang menyaksikan seramai 58 ketua keluarga mangsa kebakaran yang terjejas menerima sumbangan tersebut.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pembantu Menteri Kewangan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah bagi N.56 Apas, Datuk Haji Nizam bin Datuk Haji Abu Bakar Titingan.

Menurut Dato' Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, Pengarah Yayasan Sabah merangkap Pengerusi Eksekutif Innoprise Corporation Sdn. Bhd., yang berada di majlis tersebut, "Keperluan harian termasuk peralatan elektrik sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah telah diserahkan terus kepada setiap keluarga. Kami amat sekali berharap sebahagian daripada sumbangan ini dapat meringankan beban mereka khususnya mereka yang mempunyai anak kecil."

"Kami di Kumpulan Yayasan Sabah amat bersimpati terhadap mangsa bencana yang terjejas dan mendoakan agar mereka tabah dalam menghadapi ujian yang amat sukar ini," tambahnya.

Pada 8 Januari 2022, sebanyak 58 buah rumah di Kampung Lorong Sungai Buaya musnah akibat kebakaran.



Gambar 1: Datuk Haji Nizam (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa kebakaran Kampung Lorong Sungai Buaya.



Gambar 2: Dato' Sri Haji Gulamhaidar (enam dari kanan) bergambar bersama sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah. Turut dalam gambar ialah Datuk Haji Nizam (lima dari kiri).

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi: Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com